

TERMA RUJUKAN

Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Definisi

Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan (T&D) ditubuhkan daripada mandat Lembaga Pengajian Bil. 1/2011 bertarikh 9 Mac 2011 bertujuan untuk menjamin kualiti Program Latihan dan Program Pembangunan Organisasi.

2. Fungsi

- 2.1 Memastikan program latihan dan program pembangunan organisasi yang dijalankan oleh IAB menepati fungsi pusat latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan.
- 2.2 Mengawal selia kualiti program latihan dan program pembangunan organisasi yang dihasilkan oleh IAB.
- 2.3 Meluluskan program latihan untuk dirintis, mengesyorkan program latihan dan program pembangunan organisasi untuk perakuan Lembaga Pengajian IAB.

3. Keahlian

- | | | |
|-----|---------------------|--|
| 3.1 | Pengerusi: | Timbalan Pengarah Khidmat Latihan |
| 3.2 | Timbalan Pengerusi: | Pengarah Cawangan (secara bergilir) |
| 3.3 | Setiausaha: | Ketua Jabatan,
Jabatan Pengurusan Inovasi dan Standard Latihan |
| 3.4 | Ahli Tetap: | Pengarah IAB Cawangan Utara

Pengarah IAB Cawangan Genting Highlands

Pengarah IAB Cawangan Sarawak

Pengarah IAB Cawangan Sabah

Ketua Pusat Pembangunan Dasar dan Inovasi
Organisasi

Ketua Pusat Pembangunan Pengurusan Pendidikan |

Ketua Pusat Konsultasi dan Pembangunan Organisasi Pendidikan

Ketua Pusat Pentaksiran Kepimpinan Pendidikan

Ketua Pusat Penyelidikan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Ketua Pusat Kepimpinan Komunikasi dan Pengurusan Pejabat

Ketua Pusat Pengurusan Teknologi

Ketua Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan

Penyelaras Program IAB Bandar Enstek

Penyelaras Program IAB Cawangan Utara

Penyelaras Program IAB Cawangan Genting Highlands

Ketua Jabatan

Jabatan Pengurusan Inovasi dan Standard Latihan

- 3.5 Ahli Jemputan: Semua Ketua Jabatan Khidmat Latihan atau wakilnya
- Pensyarah Kanan yang dilantik oleh Pengerusi mengikut kepakaran dan keperluan
- 3.6 Urus Setia: Jabatan Pengurusan Inovasi dan Standard Latihan
- 3.7 Bilangan ahli jawatankuasa tidak melebihi 24 orang.
- 3.8 Ahli Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan dilantik oleh Pengarah IAB dan tempoh keahlian selama setahun.

4. Pentadbiran Mesyuarat

- 4.1 Pengerusi mesyuarat ialah Pengerusi dan/atau Timbalan Pengerusi.
- 4.2 Korum mesyuarat ialah 60% ahli mesyuarat.
- 4.3 Keckerapan mesyuarat adalah sebanyak 4 kali setahun atau mengikut keperluan.
- 4.5 Minit setiap mesyuarat Jawatankuasa Teknikal hendaklah disemak oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dan diserahkan kepada Pengerusi Lembaga

Pengajian dan Pengerusi Jawatankuasa Teknikal yang lain 7 hari selepas tarikh mesyuarat.

5. Bidang Tugas

- 5.1 Pematuhan Dasar Operasi Program Latihan IAB:
 - 5.1.1 Memastikan program latihan IAB selaras dengan kehendak dasar dan aspirasi negara
 - 5.1.2 Memastikan program latihan IAB merangkumi latihan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan yang diberi kepada staf IAB, pengurus sekolah, IPG, Kolej Matrikulasi, pegawai dan staf di Bahagian Kementerian, JPN, PPD dan bukan KPM mematuhi dasar latihan.
 - 5.1.3 Memastikan program latihan digubal berdasarkan Dokumen Kualiti IAB:
 - a. Reka bentuk Program Latihan (PK-OP-01)
 - b. Pelantikan Pensyarah Luar (PK-OP-03)
 - c. Penilaian Pensyarah dan Program Latihan (PK-OP-05)
 - d. Kawalan Rekod Kualiti (PK-SI-02)
- 5.2 Perancangan Program Latihan berasaskan mandat atau Analisis Keperluan Latihan.
 - 5.2.1 Memastikan program latihan berdasarkan keperluan semasa dan masa hadapan.
 - 5.2.2 Memastikan program latihan sesuai dengan kumpulan sasaran dan memenuhi spesifikasi/ senarai tugas.
 - 5.2.3 Memastikan modul program latihan memenuhi kriteria dan syarat seperti ditetapkan dalam Standard Kualiti IAB.
- 5.3 Penyampaian Sesi Latihan
 - 5.3.1 Memastikan penyampaian latihan mematuhi dan merujuk kepada Pukal Latihan (Rancangan Sesi Latihan, Nota Sesi Latihan, PowerPoint, jadual kursus, nota kursus, bahan rujukan, lembaran kerja, kit latihan dan bahan latihan).
 - 5.3.2 Memastikan kaedah penyampaian latihan menekankan pelbagai pendekatan.
 - 5.3.3 Memastikan penyampaian latihan berasaskan prinsip-prinsip andragogi.
 - 5.3.4 Memastikan penyampaian latihan mematuhi Seksyen 7 (Proses Penyampaian Perkhidmatan) dalam Manual Kualiti IAB.
- 5.4 Penilaian Program Latihan dan Pembangunan
 - 5.4.1 Memastikan penilaian program latihan dilaksanakan berdasarkan data dan maklumat daripada pelanggan.
 - 5.4.2 Memastikan pelaksanaan kursus rintis dikaji kesesuaiannya.

5.4.3 Mengkaji semula kursus rintis dan kursus sedia ada, bagi tujuan penerusan, penambahbaikan atau penamatan.

5.5 Pengiktirafan Program Latihan

5.5.1 Mencadangkan kepada Lembaga Pengajian untuk memperaku sesuatu program latihan sebagai program latihan organisasi, jabatan, *hi-impact*, generik atau fungsional.

5.5.2 Mencadangkan kepada Lembaga Pengajian untuk perluasan program latihan ke peringkat luar KPM, serantau dan antarabangsa

5.5.3 Mencadangkan kepada Lembaga Pengajian untuk perpindahan jam kredit bagi tujuan penganugerahan sijil, diploma atau ijazah kepada Institut Pengajian Tinggi.

5.5.4 Mencadangkan kepada Lembaga Pengajian untuk pemberian nilai taraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi program latihan IAB.

5.6 Prosedur Pembentangan

5.6.1 Memastikan semua dokumen pembentangan telah disemak dan mematuhi prosedur kualiti.

5.6.2 Pembentangan boleh dilakukan oleh Ketua Pusat, Ketua Jabatan atau penggubal modul.

5.6.3 Notis berserta dokumen pembentangan hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan dalam tempoh sekurang-kurangnya 1 bulan.

5.6.4 Dokumen dan bahan pembentangan hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa untuk disemak dan dibawa kepada Lembaga Pengajian, seterusnya diserahkan kepada Jabatan Pengurusan Inovasi untuk simpanan dengan rekod.

5.6.5 Dokumen dan bahan pembentangan disediakan mengikut format yang ditetapkan.

6. Bidang Kuasa

6.1 Pengarah IAB mempunyai kuasa dan autoriti untuk meminda perkara-perkara yang dinyatakan dalam terma rujukan ini sekiranya terdapat percanggahan dengan dasar-dasar dan peraturan sedia ada, undang-undang serta Perlembagaan. Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan berperanan untuk mengusulkan sebarang pindaan yang dirasakan wajar.

6.2 Pengarah IAB mempunyai kuasa-kuasa khas untuk membuat keputusan dalam bidang-bidang yang berkaitan seperti di atas tanpa perlu merujuk kepada ahli jika sesuatu perkara atau kes bertaraf **SEGERA** atau **KRITIKAL** untuk kepentingan kerajaan.